

UTAMA (/) MENGENAI KAMI (/MENGENAI_KAMI-1) BAKAL PELAJAR (/UPM/BAKAL_PELAJAR-10)
 PELAJAR SEMASA (/UPM/PELAJAR_SEMASA-11) STAF (/UPM/STAF-13) ALUMNI (/UPM/ALUMNI-14)
 PETA LAMAN (/SITEMAP) MAKLUMBALAS (/MAKLUMBALAS)

Carian.

BM



Selamat Datang Ke Laman Portal

Universiti Putra Malaysia



AKADEMIK (/akademik-15) PENYELIDIKAN (/penyelidikan-3) JARINGAN (/jaringan-16) ANTARABANGSA (/antarabangsa-2)
 PERKHIDMATAN (/perkhidmatan-19) KEHIDUPAN KAMPUS (/kehidupan_kampus-18)

[Home \(/\)](#) » [BERITA \(/BERITA\)](#) » Mun Yee terima ijazah bacelor dari Tuanku Canselor

Senarai Berita (/berita)

Mun Yee terima ijazah bacelor dari Tuanku Canselor

Oleh Azman Zakaria

Foto oleh Marina Ismail, Noor Azreen Awang, dan Mohd Hasrul Hamdan



SERDANG, 4 Nov: Di sebalik masa untuk latihan dan kesibukan menyertai sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, atlet terjun negara, Leong Mun Yee hari ini berjaya memperoleh ijazah Bacelor Komunikasi selepas 10 tahun pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Mun Yee, yang menerima ijazahnya daripada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah yang juga Tuanku Canselor UPM pada sesi pertama Majlis Konvokesyen ke-41 UPM di sini, seterusnya berhasrat untuk melanjutkan pengajian peringkat master.

Beliau yang mendaftar sebagai mahasiswa UPM pada 2007 berkata, sebagai atlet negara beliau perlu memperuntukkan masa untuk latihan, dan sebagai pelajar pula tidak terkecuali untuk menghadiri kuliah, menduduki peperiksaan serta menyiapkan tugas seperti pelajar lain.

Katanya, beliau menjadi antara pelajar yang mengambil masa agak lama untuk menamatkan pengajian kerana mewakilkan negara pada peringkat antarabangsa yang penganjurannya tidak mengambilkira waktu semester pelajar universiti.

"Walupun 10 tahun tempoh pengajian saya di universiti ini, saya tetap boleh berbangga. Kebanggaan ini pua dasarnya, lantaran pencapaian yang saya lakarkan sebagai atlet negara turut tercipta semasa bergelar mahasiswa UPM," katanya ketika menyampaikan ucapan mewakilkan graduan pada majlis konvokesyen itu.

B1509931030

LIHAT JUGA



Impian graduan kurang upaya genggam PhD ja kenyataan
 (/berita/impian_graduan_kurang_upaya_genggam_phd_ja_phd_jadi_kenyataan-36407)



Pasangan suami isteri terima PhD serentak
 (/berita/pasangan_suami_isteri_terima_phd_serentak-36405)



Dua beradik terima Ijazah Bacelor Sastera
 (/berita/dua_beradik_terima_ijazah_bacelor_sastera-36403)



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan

☎ 1800 22 5587

📠 +603 8948 7273

@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)





Beliau berkata, ia juga sebenarnya lahir dari semangat kuat untuk mengenggam ijazah, yang diterjemahkannya seperti mana kesungguhannya dalam bidang sukan walaupun beberapa kali terpaksa menangguhkan pengajian.

"Hari ini adalah pelengkap kepada kejayaan dalam hidup saya. Kejayaan mengenggam ijazah adalah terlalu istimewa meskipun saya dihujani kejayan-kejayaan yang lain.

"Tidak keterlaluan kalau saya nyatakan bahawa kejayaan ini melengkapkan cerita hidup saya," katanya yang menceburi sukan terjun sejak berusia 10 tahun.

Antara pencapaiannya ialah memenangi pingat gangsa Kejohanan Dunia di Rome 2009, Barcelona 2013, pingat perak Sukan Komanwel Delhi 2010 dan pingat perak World Series di Beijing 2011 serta bersama dengan Pandelega Rinong memenangi pingat emas FINA Diving Grand Prix Kuala Lumpur 2017.

Di peringkat Asia, beliau memenangi dua pingat perak di Guangzhou 2010 dan gangsa di Incheon 2014, selain memperoleh keseluruhannya 17 pingat emas sepanjang temasya Sukan SEA sejak Kuala Lumpur 2001.

Beliau juga menyertai empat siri Sukan Olimpik berturut-turut.

Mun Yee berkata ilmu pengetahuan dan kekuatan intelek adalah kemestian dalam hidup, manakala sukan akan terhenti tatkala usia semakin meningkat dan kekuatan fizikal berkurang. Tetapi ilmu pengetahuan tidak pernah akan dibezakan dek kerana fizikal mahupun faktor usia. - UPM

Kemaskini: 04/11/2017 [syifarida]

PERKONGSIAN MEDIA

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra
Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

☎ 1800 22 5587

📠 +603 8948 7273

✉ marketing@upm.edu.my

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home>)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (<http://www.sisman.upm.edu.my/>)

Sistem Permohonan ke Luar Negara (<http://spln.upm.edu.my>)

Jawatan Kosong (<http://spj.upm.edu.my/>)

Sistem Baik Pulih ICT (<http://zonict.upm.edu.my/>)

Putra Learning Hub (<http://learninghub.upm.edu.my/>)

Sistem Pengurusan Perubatan (<http://regmedic.upm.edu.my/>)

Sistem E-Claim (<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)

i-GIMS (staf) (<http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp>)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (<http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/login.jsp>)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (<http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup>)

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan Malaysia (<http://www.moe.gov.my/>)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (<http://www.ptptn.gov.my>)

1Malaysia (<http://www.1malaysia.com.my>)

Multimedia Super Corridor (<http://www.mscomalaysia.my>)

Portal myGovernment (<https://www.malaysia.gov.my/en/home>)

Agensi Kelayakan Malaysia (<http://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (<http://www>)

Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.r>)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/n8202)

Dasar UPM (<http://www.pnc.upm.edu.my/D>)

Sistem Pengurusan ISO (<http://reg.upm.edu>)

Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.e>)

Penerbitan UPM (<http://www.upm.edu.my/k>)

Poliklinik Putra Medik (<http://www.upm.edu.my/kandungan/Polikli>)



BM



Entiti Kami



Dokumen



Newsletter



Tetapan

BM 

[Dasar Privasi \(/footnote/dasar_privasi-29949\)](#) [Hakcipta \(/footnote/hakcipta-29950\)](#)
[RSS \(/footnote/rss-29951\)](#) [Penafian \(/footnote/penafian-29938\)](#)
[Bantuan \(/footnote/bantuan-29937\)](#)
[Dasar Keselamatan \(/footnote/dasar_keselamatan-29939\)](#)

© 2017 Universiti Putra Malaysia



-  Entiti Kami
-  Dokumen
-  Newsletter
-  Tetapan

LANGGAN MELALUI EMAIL **HANTAR**

